



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PROJEK
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PROJEK
KEMENTERIAN KESIHATAN
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Arkitek / Kejuruteraan / Pengurusan Projek atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. a) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus '**Program Pembangunan Eksekutif**' di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Perkembangan Projek dan membantu Ketua Fungsi dalam mengendali perlaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan hal ehwal kakitangan Pengurusan Estet dan Perkembangan Projek, Kementerian Kesihatan;
2. Menyelaras perancangan dan perlaksanaan projek-projek kemajuan Kementerian Kesihatan termasuk projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN);



3. Menguruskan dan memantau pelaksanaan projek-projek kemajuan sehingga ianya selesai dalam tempoh masa yang ditentukan dengan peruntukan yang mencukupi;
4. Menyediakan perancangan dan persediaan bagi cadangan projek-projek kemajuan baru;
5. Mengumpul dan mengemaskini maklumat mengenai status projek-projek kemajuan pada tiap-tiap bulan dan membuat laporan mengenainya; dan
6. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui Unit / Fungsi.